



**SURAT PEMBERITAHUAN**  
**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM**  
**JABATAN PERDANA MENTERI**  
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**  
**BILANGAN 07/2023**

**PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN KESETIAUSAHAAN BAGI TAHUN 2023**

Dengan hormat sukacita Jabatan Perkhidmatan Awam mempelawa pegawai-pegawai yang layak untuk menduduki Peperiksaan Perkhidmatan Kesetiausahaan. Syarat-syarat untuk menduduki peperiksaan tersebut adalah seperti berikut:-

**1. SYARAT-SYARAT UTAMA**

**1.1 Peperiksaan Perkhidmatan Kesetiausahaan Pertama:**

Pemegang jawatan **Penolong Kerani Sulit** dalam tangga gaji D.3 EB.4-5 yang dipersyaratkan atau dikehendaki lulus peperiksaan berkenaan.

**1.2 Peperiksaan Perkhidmatan Kesetiausahaan Kedua:**

Pemegang jawatan **Kerani Sulit** dalam tangga gaji C.1-2 EB.3 yang dipersyaratkan atau dikehendaki lulus peperiksaan berkenaan.

**1.3 Peperiksaan Perkhidmatan Kesetiausahaan Ketiga:**

Pemegang jawatan **Setiausaha Sulit** dalam tangga gaji BW.1 dan BW.2 yang dipersyaratkan atau dikehendaki lulus peperiksaan berkenaan.

1.4 Pemohon yang berhasrat untuk menduduki peperiksaan-peperiksaan tersebut di atas hendaklah terdiri daripada pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat dalam Skim Perkhidmatan Kesetiausahaan Negara Brunei Darussalam.

Rujukan : JPA/1.6/7/6 Pt.6

Tarikh : 18 Jamadilakhir 1444 / 11 Januari 2023

Muka surat 1/3

14



## 2. JADUAL PEPERIKSAAN

- 2.1 Jabatan Perkhidmatan Awam akan menentukan tarikh, tempat dan jumlah pemohon bagi setiap peperiksaan yang dijalankan. Jadual Peperiksaan adalah seperti berikut:

BULAN	TARIKH PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN KESETIAUSAHAAN			TARIKH PERMOHONAN	
	Pertama	Kedua	Ketiga	DIBUKA	DITUTUP
Jun	02 Jun 2023 Jumaat	09 Jun 2023 Jumaat	16 Jun 2023 Jumaat	17 April 2023 Isnin	01 Mei 2023 Isnin
November	03 November 2023 Jumaat	10 November 2023 Jumaat	17 November 2023 Jumaat	18 September 2023 Isnin	02 Oktober 2023 Isnin

\*\* Tarikh-tarikh yang dinyatakan adalah tertakluk kepada sebarang perubahan.

## 3. TATACARA MENGHADAPKAN PERMOHONAN

- 3.1 Permohonan dan pencalonan akan dibuat secara dalam talian (*Online*) menggunakan Sistem Sumber Manusia (SSM) melalui *Department HRD Administrator* di Kementerian/Jabatan masing-masing, sepertimana yang dijelaskan dalam memorandum Jabatan ini bertarikh 17 Rabiulawal 1444/13 Oktober 2022 bertajuk "Penggunaan Modul *Training and Event Management* Sistem Sumber Manusia."
- 3.2 *Department HRD Administrator* di Kementerian/Jabatan masing-masing akan menerima pemberitahuan melalui *front end SSM* mengenai permohonan yang telah dihadapi iaitu sama ada diluluskan atau ditolak. *Department HRD Administrator* seterusnya akan memaklumkan status permohonan tersebut kepada pemohon di Kementerian/Jabatan masing-masing.

Rujukan : JPA/1.6/7/6 Pt.6

Tarikh : 18 Jamadilakhir 1444 / 11 Januari 2023

Muka surat 2/3

N



#### 4. HAL – HAL LAIN

4.1 Pemohon hendaklah memaklumkan Jabatan Perkhidmatan Awam melalui surat atau e-mel tunjuk sebab jika tidak dapat hadir untuk menduduki peperiksaan:

4.1.1 Sekurang-kurangnya satu (1) minggu sebelum tarikh peperiksaan dijalankan bagi ketidakhadiran yang disebabkan oleh perkara-perkara yang diketahui awal dan tidak dapat dielakkan;

4.1.2 Tidak lewat dari satu (1) minggu selepas tarikh peperiksaan bagi ketidakhadiran yang disebabkan oleh perkara-perkara di luar jangkaan.

4.2 Jabatan Perkhidmatan Awam akan mengambil tindakan yang bersesuaian terhadap pemohon yang TIDAK HADIR / MENARIK DIRI dari menduduki peperiksaan tanpa maklumat dan sebarang alasan yang munasabah. Tindakan ini termasuklah menangguhkan pendaftaran semula peperiksaan yang akan datang.

#### 5. KETERANGAN LANJUT

Sebarang pertanyaan bolehlah berhubung terus di talian atau e-mel berikut:

Telefon : 2382469 sambungan 410

E-mel : [exam.hrsu@psd.gov.bn](mailto:exam.hrsu@psd.gov.bn)

Sekian peramba/kaola/saya sampaikan untuk maklumat bersama.

والله ولي التوفيق

*"Perkhidmatan Awam Berintegriti dan Berinovasi Pemangkin Pembangunan Negara"*  
*"Mengukuhkan Sosio-Ekonomi Negara, Tanggungjawab Bersama"*

[ DR NORFARIZAL BIN OTHMAN ]  
Pemangku Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

Rujukan : JPA/1.6/7/6 Pt.6

Tarikh : 18 Jamadilakhir 1444 / 11 Januari 2023

Muka surat 3/3